

20/07/2001

Konsep negara Islam Pas jejas pakatan empat parti

Jamhariah Jaafar

"SAYA tidak mahu bercakap mengenai masa depan atau apa yang mungkin berlaku pada masa depan, tetapi saya hanya boleh berkata mengenai apa yang sedang berlaku.

"Pada pendapat saya, sekiranya pakatan pembangkang tidak dapat mencari satu formula penyelesaian terhadap niat Pas untuk menubuhkan sebuah negara Islam, saya khuatir format pakatan pembangkang sekarang tidak dapat diteruskan," kata Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock.

Walaupun begitu berhati-hati dalam membuat kenyataannya, apa yang nyata Kerk tidak menyembunyikan hakikat penubuhan negara Islam seperti yang diinginkan Pas adalah mustahil untuk diterima partinya.

"Mesyuarat antara pakatan pembangkang, Isnin lalu (8 Julai) adalah bagi mencari penyelesaian terhadap kontroversi dan krisis yang paling serius dialami oleh kami di dalam pakatan pembangkang setakat ini.

"Sejak tertubuhnya pakatan pembangkang (pada 1999), semua parti yang menyertainya menghormati konsep perjuangan yang diterapkan sejak awal, iaitu untuk memulihkan semula konsep demokrasi dan keadilan yang kian pudar.

"Tetapi apa yang berlaku sekarang ialah niat Pas itu (untuk menubuh sebuah negara Islam) jelas bercanggah dengan manifesto pakatan pembangkang pada 1999, yang mana DAP meminta mereka memberi jaminan jelas bahawa satu undi untuk pakatan pembangkang bukan bermakna satu undi untuk penubuhan negara Islam," katanya.

Krisis dalam pakatan pembangkang ternyata semakin serius apabila idea dan pendapat serta ideologi perjuangan sesama keempat-empat parti gabungan itu, Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM)) semakin bercanggah antara satu sama lain.

Kemenangan besar yang dicapai Pas ketika pilihan raya umum 1999, ternyata memberi mereka kekuatan dan keangkuhan untuk menetapkan agenda bagi kerjasama, terutama membabitkan penubuhan negara Islam.

Sebaliknya, kerjasama itu membawa padah kepada DAP apabila semua 'jeneral' parti berkenaan, iaitu Lim Kit Siang dan Karpal Singh, yang selama ini angkuh dengan kedudukan mereka di Pulau Pinang, tersungkur dan terkeluar langsung daripada arus perdana politik negara.

Kekalahan DAP juga menyaksikan kerusi ketua pembangkang yang selama ini dikuasai Kit Siang, turut berpindah tangan kepada Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

Suara lantang DAP yang diketuai Kit Siang di Parlimen sejak hampir dua dekad lalu, juga semakin ditenggelamkan oleh suara keras pemimpin muda Pas yang petah berbahas berbanding kebanyakan ahli Parlimen DAP yang pelat dan sering tersasul dalam penggunaan bahasa Melayu.

Kehadiran Keadilan pula sekadar pelengkap agenda, dengan Presidennya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, lebih tekun dalam usahanya mengelilingi dunia untuk membebaskan suaminya daripada belenggu penjara.

Kerja-kerja parti itu dilepaskan kepada timbalannya, Dr Chandra Muzaffar, yang turut tenggelam dalam kelantangan golongan mudanya untuk melakukan demonstrasi jalanan bagi menagih simpati rakyat.

PRM yang boleh diibaratkan melukut di tepi gantang pula menginsafi nasib diri yang kerdil, tanpa segan silu menerima pelawaan Keadilan demi survival pemimpinnya.

Konflik di antara Pas dan DAP mengenai isu negara Islam ini bukan suatu yang baru, tetapi meletus semula apabila Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi

Awang, yang juga Menteri Besar Terengganu, sekali lagi menegaskan Pas tidak akan lari daripada pendirian asalnya untuk menubuhkan negara Islam.

Kenyataan itu terus disanggah Karpal yang juga Timbalan Presiden DAP yang ternyata menentang sebarang bentuk agenda Islam dan disokong kuat Kit Siang sebagai pengerusi parti, yang turut mengancam bahawa DAP akan keluar daripada pakatan pembangkang sekiranya Pas meneruskan niat itu.

Keadilan dan PRM turut mengeluarkan kenyataan mendesak kedua-dua parti itu supaya berpegang kepada manifesto bersama pakatan pembangkang dan idea untuk menubuhkan negara Islam langsung tidak disebut di dalam manifesto berkenaan.

Keadaan menjadi semakin tegang 10 Julai lalu apabila Pas enggan menandatangani kenyataan bersama pakatan pembangkang, yang bertujuan untuk meyakinkan penyokong mereka bahawa pakatan itu tidak akan menubuhkan sebuah negara Islam sekiranya mereka diberi mandat, sebaliknya akan berpegang kepada pendirian bersama yang terkandung di dalam manifesto 1999.

Difahamkan, Pas sebenarnya tidak pernah membentangkan apa sebenarnya konsep negara Islam yang ingin dibawa serta apa bezanya dengan negara Islam yang menjadi pegangan Umno sebagai tonggak utama dalam pemerintahan Barisan Nasional (BN) sekarang.

Kerk ketika diajukan perkara itu enggan mengulas tetapi berkata idea negara Islam yang ingin diwujudkan Pas jauh berbeza dengan pengiktirafan sebagai sebuah negara Islam yang dimiliki Malaysia sekarang.

"Dalam bahasa Melayu, anda menyebut negara Islam, tetapi sebenarnya ada bezanya dalam pengertian mengikut bahasa Inggeris ialah antara Islamic nation dan Islamic State... perbezaannya sungguh jauh," katanya dan membayangkan beliau juga masih tidak tahu konsep negara Islam sebenarnya yang ingin dimiliki Pas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini turut melemparkan soalan yang sama kepada Pas dan mendesak pemimpin parti itu membuat penjelasan secara bertulis bagi pengetahuan seluruh rakyat negara ini.

Dalam lidah rasmi Pas, Harakah, dua minggu lalu, Fadzil ada menjawab dan melemparkan kembali pelbagai persoalan kepada Umno, tetapi Presiden Pas itu langsung tidak menyentuh dan menjawab persoalan mengenai konsep negara Islam yang ingin dibentuk partinya.

Mengikut pemerhati politik, kegagalan Pas menyentuh secara langsung konsep negara Islam yang diinginkan dan menjelaskan perbezaannya dengan pengiktirafan yang dimiliki Malaysia sekarang, membuktikan mereka sendiri ragu-ragu serta tidak yakin dengan konsep yang ingin dilaksanakan itu.

"Pas berada dalam keadaan tersepit sekarang kerana ketika pilihan raya umum lalu dan pelbagai ceramah sekarang, pemimpin mereka menjanjikan umat Islam satu konsep yang benar-benar Islam, tetapi pada masa sama sedar bahawa janji itu boleh membawa padah kerana negara ini turut dihuni rakyat bukan Islam.

"Apa yang jelas, selama ini Pas hanya mengelirukan rakyat dan menanggung di air keruh. Ini terbukti apabila mereka yang dahulunya menghentam (Datuk Seri) Anwar Ibrahim kini tidak segan-silu lagi menggunakan isu Anwar untuk kepentingan mereka.

"Lebih menyedihkan lagi apabila parti yang memperjuangkan agenda Islam ini sanggup bekerjasama dengan DAP, sebuah parti yang memang terkenal dianggotai oleh golongan anti-Islam," katanya.

Dengan kenyataan terbaru Fadzil, Khamis lalu, bahawa partinya tidak akan berganjak dengan pendirian untuk memiliki sebuah negara Islam, hubungan janggal Pas-DAP ini kelihatan seperti beraput di dahan rapuh.

Seperti kata Kerk, tidak ada gunanya DAP meneruskan formula pakatan pembangkang yang lebih banyak menguntungkan Pas sekarang, sekiranya krisis

yang akan menjejaskan semangat keMalaysiaan ini gagal menemui titik penyelesaian.

"Ini adalah isu besar dan seperti saya katakan tadi, adalah krisis terburuk yang pernah dialami oleh kepemimpinan pakatan pembangkang. Sekiranya golongan tua dalam Pas dianggap kuat beragama, tetapi saya nampak lebih ramai golongan mudanya yang lebih fanatik.

"Justeru, krisis ini perlu diselesaikan dengan tegas kerana bagi negara yang memiliki rakyat pelbagai kaum seperti Malaysia, idea Pas itu adalah tidak praktikal, tidak sesuai dan tidak boleh diterima," tegasnya.

(END)